



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban

BULETIN

*FAKULTI PERAKAUNAN
UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN
EDISI 9 2025*



HUBUNGI KAMI :



fpnuitmn9s3



<https://encr.pw/FakultiPerakaunanS3>

Etika dan Integriti: Yang Mana Keutamaan?

Ja'izah Abdul Jabar & Wan Mardyatul Miza Wan Tahir

Dunia telah sekian lama mengangkat nilai etika dan integriti, meski sebelum kejatuhan Enron Corporation pada tahun 2001 yang sering dilambangkan sebagai titik perubahan dalam memperkukuh aspek tadbir urus organisasi. Bahkan, kesedaran akan kepentingan nilai etika dan integriti ini mula dibincangkan sejak zaman Greek yang menghimpunkan ideologi puluhan ahli-ahli falsafah barat dan timur berkaitan perkara ini. Perkembangan kajian dunia pengurusan dan perniagaan yang seringkali menggunakan etika dan integriti ini secara bersilih ganti menimbulkan persoalan berkaitan perbezaan dan persamaan antara keduanya.

Etika dan integriti boleh dibezakan dari beberapa aspek. Melalui definisi atau konsep, etika secara umumnya dapat difahami sebagai suatu set peraturan kehidupan manusia yang menjadi asas dan panduan dalam menjalani kehidupan berprinsip dan mengikut peraturan yang betul (Hasan et al, 2020). Integriti pula merujuk kepada kualiti unggul yang wujud secara keseluruhan dan konsisten merangkumi nilai moral, norma dan kepatuhan kepada peraturan (Huberts, 2018). Definisi ini menjelaskan bahawa etika menekankan aspek luaran dalam menggalakkan pematuhan manakala integriti adalah sesuatu yang lahir daripada kesedaran dalaman. Etika biasanya dikaitkan dengan set peraturan yang didokumentasikan di dalam kod etika organisasi atau peraturan-peraturan bertulis. Ini menjadikan etika adalah sesuatu yang mesti dipatuhi walaupun bukan secara sukarela. Integriti pula menekankan kualiti dalaman individu yang mendorong kepada pematuhan nilai moral dan bertindak secara telus tanpa paksaan atau pemerhatian. Bahasa mudahnya, integriti boleh dibentuk dengan adanya kod etika individu walaupun tanpa pergantungan kepada garis panduan kod etika organisasi. Justeru, etika adalah nilai yang biasanya dibentuk melalui arahan dan melibatkan interaksi antara lebih daripada satu individu. Sebaliknya, integriti boleh terbentuk hanya melalui kesedaran individu tanpa perlu ada campur tangan dan pengaruh pihak lain.



Meskipun etika dan integriti boleh dibezakan dari pelbagai aspek dan kriteria, kedua-dua nilai ini memiliki satu persamaan yang tidak boleh dipertikaikan. Etika dan integriti merupakan pemacu utama dalam kejayaan sesebuah organisasi, hasil daripada gabungan rasa tanggungjawab, amanah, dedikasi dan telus dalam memastikan operasi selari dengan hala tuju yang telah ditetapkan. Jika dinilai dari sudut pandang organisasi, etika dan integriti perlu berjalan seiring dalam memastikan keutuhan tadbir urus yang mampu mengawal isu korupsi, salah guna kuasa, rasuah dan lain-lain jenayah kolar putih. Bahkan, kelompok individu mahupun organisasi formal mampu mencipta nilai yang lebih berdaya saing sekiranya memiliki etika dan integriti. Persoalannya, antara etika dan integriti, yang mana perlu diutamakan?



Kebiasaannya, sesuatu tindakan yang berasaskan paksaan dan pengaruh luar agak sukar dikekalkan untuk tempoh masa yang lama, dan mudah berubah mengikut keadaan semasa. Tanpa pemantauan berterusan dan ketiadaan penilaian memungkin seseorang untuk tidak lagi patuh terhadap peraturan dan garis panduan yang ada. Keadaan ini menyebabkan adanya pendapat yang mengatakan etika adalah sesuatu yang boleh dipalsukan. Ini kerana, tindakan tersebut bukanlah suatu pilihan melainkan kerana arahan yang memerlukan kepatuhan. Kebergantungan yang tinggi kepada standard profesional sedikit sebanyak mengundang rasa tidak puas hati sesetengah pihak disebabkan wujudnya unsur kerahan dan ketidakadilan dalam penilaian.

Sebaliknya, apabila sesuatu tindakan dilaksanakan atas dasar kesedaran dan pilihan yang tertanam dalam diri sendiri, ianya lebih konsisten dan tahan ancaman. Kesedaran untuk mengekalkan nilai moral dalam tindakan meskipun tidak dilihat, dinilai dan dicanang menjadi penanda aras bahawa integriti itu bukan sesuatu yang sewenang-wenangnya direka dan dimimikkan. Ini kerana, tindakan yang ditunjangi oleh keinginan hati lebih jelas dan telus berbanding sesuatu yang dipaksa. Justeru, dapatlah disimpulkan bahawa integriti itu lebih utama dalam memberi kesan kepada pembangunan nilai moral berbanding etika. Ini kerana, individu yang beretika belum tentu memiliki integriti, namun seseorang yang berintegriti pasti telah diyakini etikanya.

Hari ini, dapat dilihat terma integriti telah menjadi antara komponen penting prinsip dan nilai utama organisasi. Setiap aktiviti pasti diselitkan nilai memartabatkan integriti. Bagaimanapun, perlu difahami bahawa keutamaan yang diberikan kepada integriti sama sekali tidak mengurangkan kredit etika dalam memantapkan tadbir urus organisasi dan moral individu, bahkan menjadi sambungan dan pendukung kepada matlamat melahirkan budaya kerja yang telus, amanah, dedikasi dan bertanggungjawab.

Apa yang lebih utama, setiap individu perlu memaknai etika dan integriti dengan tindakan yang dilaksanakan dan bukan sekadar dokumentasi yang akhirnya hanya menjadi retorik. Kefahaman tentang konsep etika dan integriti sewajarnya diterjemahkan dalam bentuk praktis, supaya hasil yang dinikmati mengatasi kos-kos pembangunan nilainya.

Rujukan

Hassan, R., Zain, F. M., Bakar, K. A., & Kamaruzaman, A. F. (2020). Kefahaman Nilai Etika Dan Moral Pelajar Di Institusi Pengajian Tinggi: Satu Sorotan Literatur. *Malim J. Pengaj. Umum Asia Tenggara (Sea J. Gen. Stud.)*, vol. 21, no. 1, pp. 126–141, 2020, <https://doi.org/10.17576/malim-2020-2101-10>.

Huberts, L. W. (2018). Integrity: What it is and Why it is Important. *Public Integrity*, 20(sup1), S18–S32.